

Bil. 13

Rabu

8 Ogos 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Bantuan Kebajikan Yang Telah Dihentikan**
- *YB. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)* [Halaman 1]
- **Penambahbaikan Fasiliti Lapangan Terbang Antarabangsa
Kota Kinabalu**
- *YB. Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)* [Halaman 5]

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Rabu, 08 Ogos 2018
Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang
DOA
[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Bantuan Kebajikan Yang Telah Dihentikan

2.34 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang sendiri datang menjawab soalan di Kamar Khas.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini banyak aduan diterima mengenai bantuan kebajikan yang telah diberhentikan tanpa sebarang pengumuman. Ada yang diberhentikan seawal bulan Januari 2018, manakala kebanyakan yang lain pada bulan Mac 2018. Ramai penerima kebajikan terjejas, termasuk juga mereka yang menerima bantuan untuk menjalani perkhidmatan dialisis. Perkara ini amat serius sebab penerima bantuan kebajikan adalah dari kalangan orang-orang miskin tegar. Sebarang jenis bantuan kebajikan yang diterima selama ini adalah amat bererti bagi aktiviti kehidupan seharian mereka. Saya menyeru kepada pihak kementerian untuk membuat tinjauan selanjutnya atas perkara ini dengan kadar yang segera supaya isu ini tidak memudaratkan kehidupan seharian penerima kebajikan dan sekali gus tidak merosakkan imej Kerajaan Pakatan Harapan.

Satu lagi isu yang dibawa kepada perhatian saya adalah mengenai isu proses permohonan bantuan kebajikan yang kini mengambil masa yang sangat lama dan ada kalanya tiada maklum balas langsung. Sesuatu permohonan yang dihantar ke Jabatan Kebajikan boleh mengambil masa yang sangat panjang, boleh dikatakan melebihi 30 hari kerja. Isu harus diberi

perhatian sebab rakyat yang memohon adalah golongan miskin tegar dan sebarang jenis bantuan harus diberi dengan secepat yang mungkin.

Saya mohon kepada Menteri untuk memberi satu penerangan tentang aliran prosedur operasi standard (SOP) bagi proses permohonan bantuan kebajikan di Jabatan Kebajikan masyarakat. Saya juga ingin tahu peringkat-peringkat yang terdapat dalam proses permohonan iaitu dari peringkat penerimaan borang permohonan hinggalah ke peringkat pengagihan bantuan kebajikan. Saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai purata tempoh masa yang diambil dalam setiap peringkat ini.

Akhir sekali, saya juga ingin menyarankan agar satu SOP yang praktikal dan lebih efektif digubal dan dipraktikkan di seluruh negara untuk menyeragamkan dan mempermudah lagi proses permohonan bantuan kebajikan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah, dahulu mantan Speaker Dewan Undangan Negeri Perak. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menguruskan perkhidmatan bantuan kebajikan kepada pelbagai kumpulan sasar termasuk kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan keluarga miskin. Kementerian komited dan mempraktikkan *sense of urgency* dan kesejahteraan kumpulan sasar sentiasa diutamakan dalam penyampaian perkhidmatan.

Bagi meringankan beban kewangan kepada golongan yang memerlukan, sehingga Jun 2018, kementerian melalui JKM telah menyalurkan bantuan kebajikan di bawah skim bantuan persekutuan dan negeri kepada 485,866 orang penerima manfaat yang melibatkan peruntukan sebanyak RM839 juta. Adalah dijangkakan sehingga hujung tahun ini, sebanyak RM1.5 bilion peruntukan diperlukan bagi menampung perbelanjaan melibatkan bayaran bantuan bulanan dan bantuan sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua, JKM telah menggubal Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan baru yang dikuatkuasakan pelaksanaannya pada 1 Julai 2018, tahun ini. Garis panduan ini merupakan penambahbaikan kepada SOP sebelum ini. Garis panduan ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua pegawai dan kakitangan JKM di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah, jajahan, bahagian yang terlibat dalam mengendalikan urusan perkhidmatan bantuan. Garis panduan ini mengandungi perkara berikut:

- (i) syarat atau kriteria kelayakan dan kadar bantuan;

- (ii) kaedah permohonan;
- (iii) prosedur siasatan dan kelulusan bantuan; dan
- (iv) intervensi iaitu kaji semula bantuan bulanan JKM.

Garis panduan ini telah menyeragamkan tindakan terhadap permohonan bantuan dalam kalangan pegawai dan kakitangan JKM, menjadikan prosedurnya lebih mudah dan bersistematik.

Di sini saya akan menjelaskan kaedah permohonan bantuan kebajikan, prosedur siasatan dan kelulusan serta bayaran bantuan. Ketika ini, terdapat dua kaedah permohonan bantuan kebajikan iaitu:

- (i) permohonan secara manual menggunakan Borang Permohonan Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM 18); dan
- (ii) permohonan melalui atas talian (*online*) sistem e-Bantuan.

Prosedur siasatan dan kelulusan bantuan kepada kes ini ialah pekerja kes di JKM dari gred S19 hingga gred S26 melaksanakan kerja siasatan kes seperti lawatan ke rumah klien, membuat temu ramah dan seterusnya menyediakan laporan untuk pertimbangan keputusan oleh pegawai yang diberi kuasa.

■1440

Di samping itu, proses kerja siasatan dan pelaporan kaji semula diteruskan bagi kes-kes penerima bantuan yang sedia ada.

Semua bayaran bantuan kewangan JKM adalah diberikan kepada individu atau penama yang diluluskan sahaja. Pembayaran bantuan bulanan dibuat sepenuhnya melalui bank. Semua klien mempunyai pilihan terbuka memilih bank untuk dikreditkan bantuan mereka. Melalui kaedah bayaran bantuan melalui bank, penerima bantuan boleh mengeluarkan duit atau membuat perbelanjaan menggunakan kad bank (*ATM Card*) yang ada sebagai fungsinya belian secara debit atau *online*.

Setiap bantuan yang diluluskan adalah dalam tempoh satu tahun sahaja. Adalah menjadi tanggungjawab penerima bantuan untuk mengemas kini maklumat melalui Borang Kaji Semula (JKM 20) dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh bantuan tamat bagi membolehkan bantuan disambung sekiranya masih memenuhi kriteria kelayakan. Jika klien gagal mengemas kini maklumat dalam tempoh tiga bulan, bantuan akan ditamatkan secara automatik oleh sistem e-Bantuan. Namun begitu, klien akan cuba dikesan dalam tempoh tiga bulan tersebut misalnya, melalui lawatan ke rumah atau menghubungi klien melalui telefon bagi memastikan maklumat klien dikemas kini. Bagi klien yang tidak dapat dikesan sewaktu lawatan ke rumah, maka kad lawatan akan ditinggalkan di rumah klien untuk urusan temu janji seterusnya.

Berdasarkan rekod dan semakan oleh JKM, didapati bahawa tiada perubahan jumlah penamatan kes bantuan yang ketara dari bulan Januari hingga Mac 2018. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada penamatan bantuan kepada klien. Sebagai contoh, antara tempoh Januari sehingga Jun 2018, sejumlah 41,815 kes bantuan telah ditamatkan atas faktor-faktor berikut:

- (i) meninggal dunia sejumlah 11,874 kes;
- (ii) mampu berdikari sejumlah 2,635 kes;
- (iii) berpindah ke luar daerah sejumlah 3,132 kes;
- (iv) tidak memenuhi kriteria kelayakan sejumlah 4,090 kes. Contohnya anak penerima bantuan kanak-kanak yang telah melepasi umur 18 tahun tidak layak;
- (v) tukar skim bantuan lain sejumlah 4,242 kes;
- (vi) dirujuk ke agensi lain sejumlah 22 kes; dan
- (vii) lain-lain seperti telah pulih dari penyakit; mempunyai sumber pendapatan seperti pencen, PERKESO, sewa rumah; mempunyai anak yang dewasa tinggal bersama; dan bekerja sejumlah 15,820 kes.

Setiap bantuan yang ditamatkan akan dimaklumkan kepada klien dengan surat yang dijana melalui sistem e-Bantuan. Di samping itu, orang awam juga boleh membuat semakan secara *online* melalui sistem e-Bantuan berkaitan status permohonan bantuan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Piagam Pelanggan JKM, tempoh masa proses permohonan bantuan adalah seperti berikut. Untuk bantuan kewangan bulanan, setiap permohonan baru dan kaji semula yang lengkap diterima hendaklah selesai siasatan dalam tempoh dua minggu dan keputusan hendaklah dimaklumkan dalam masa satu bulan dari tarikh permohonan. Bantuan sekali gus (*one-off*) dengan izin, bantuan geran pelancaran, bantuan alat tiruan dan alat sokongan, setiap permohonan yang lengkap diterima hendaklah selesai siasatan dalam tempoh satu bulan dan keputusan hendaklah dimaklumkan dalam masa dua bulan dari tarikh permohonan.

Bagi isu berkaitan proses permohonan bantuan kebajikan yang mengambil masa yang lama, perkara ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- (i) alamat dan nombor telefon pemohon yang diberikan tidak tepat;
- (ii) dokumen yang dikemukakan tidak lengkap. Sebagai contoh, tidak mengemukakan maklumat pendapatan bagi permohonan Elaun Pekerja Cacat;
- (iii) pemohon tiada di rumah semasa lawatan dibuat. Sebagai contoh,

pemohon yang terdiri daripada warga emas sering berkunjung ke rumah anak-anak atau menerima rawatan di hospital bagi tempoh yang lama; dan

(iv) beban kerja pekerja kes yang tinggi dan rencam yang mana pegawai yang sama turut mengendalikan perkhidmatan lain seperti taska, pusat jagaan, perlindungan kepada kanak-kanak, warga emas, OKU, penguatkuasaan, agihan geran kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan bencana. Sebagai contoh, berdasarkan statistik permohonan bantuan sehingga bulan Jun 2018, terdapat 71,864 permohonan kes baru yang diuruskan oleh 1,919 pekerja kes yang terdiri daripada Pembantu Pembangunan Masyarakat dari gred S19 hingga S26 tadi yang saya sebutkan.

Sejumlah 46,489 permohonan telah diluluskan dan sebanyak 25,375 permohonan telah ditolak. Purata nisbah beban kes siasatan permohonan baru ialah seorang pekerja kes kepada 37 kes (1:37), dengan izin. Manakala nisbah bagi kakitangan yang mengendalikan kes aktif pada tahun 2018, sebanyak 485,866 kes ialah seorang pekerja bersamaan 253 kes (1:253). Adalah menjadi harapan kementerian agar kerjasama dapat diperkukuhkan lagi dengan penglibatan padu pemimpin tempatan, wakil rakyat, pasukan sukarelawan kebajikan, organisasi atau individu dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam mengesan dan merujuk kes-kes yang memerlukan bantuan memandangkan kebajikan adalah tanggungjawab bersama. Sekian, terima kasih.

Penambahbaikan Fasiliti Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu

2.47 ptg.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-pertua, tajuk ucapan saya di Kamar Khas ini adalah "*Penambahbaikan Fasiliti Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu*". Tuan Yang di-Pertua, saya menerima banyak aduan terhadap pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA). KKIA merupakan gerbang utama untuk kemasukan pelancong dari luar negara dan ia adalah amat penting untuk menjaga imej negara kita amnya dan negeri Sabah secara khususnya. Untuk makluman, pertumbuhan pelancong antarabangsa dari tahun 2016 ke tahun 2017 ialah 9.4 peratus, di mana 1.2 juta pelancong asing telah melawat ke Sabah pada tahun tersebut. Jumlah pelancong juga meningkat dari 3.4 juta pada tahun 2016 kepada 3.7 juta pada tahun 2017, kadar pertumbuhan sebanyak 7.5 peratus.

Dengan demikian, beberapa isu harus ditangani di KKIA. Pertama, kaunter imigresen dan stafnya adalah tidak cukup untuk menampung keperluan yang semakin bertambah. Terdapat 10

kaunter imigresen sedia ada. Namun, selalu terima aduan bahawa pembukaannya tidak cukup pada masa 'peak hour'. Kedua, maklumat atau paparannya kurang jelas untuk memaklumkan pelancong asing, terutama dari China dan Taiwan yang kurang fasih bahasa Malaysia dan Inggeris, sampai wujudnya kes lupa cap di kaunter imigresen setibanya sampai di KKIA. Sebagai contoh, kes dua adik-beradik dari Taiwan tertahan kerana masuk tidak melalui kaunter Imigresen dengan betul yang baru-baru berlaku pada hujung minggu lalu. Saya menyarankan bahawa petanda haruslah lebih jelas untuk tunjuk jalan.

Selain dari itu, pada pandangan peribadi saya, kawalan trafik dengan meletakkan tiang keselamatan pembahagi jalan di sepanjang jalan masuk KKIA tidak mendatangkan faedah tetapi menyusahkan pengguna KKIA. Harap pihak pengurusan KKIA akan mengkaji semula. Sekian, terima kasih.

2.49 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya bangga melihat Tuan Yang di-Pertua begitu segar selepas makan begitu banyak durian sebentar tadi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Akan tetapi jangan sendawa ya.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih. Tuan Yang di Pertua, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) boleh mengendalikan sebanyak 9 juta penumpang setahun.

■1450

Pada tahun 2017, KKIA telah mengendalikan seramai 8,004,449 orang penumpang iaitu pertumbuhan sebanyak 8.7 peratus berbanding 7,263,339 orang penumpang yang dicatatkan pada tahun 2016. Daripada jumlah ini, KKIA telah mengendalikan sebanyak 2,568,990 penumpang antarabangsa dan 5,435,459 penumpang domestik bagi tahun 2017.

Menurut Malaysia Airports Sdn. Bhd. (MASB) dan Jabatan Imigresen Sabah, bilangan penumpang antarabangsa ke Sabah pada tahun 2017 adalah sebanyak 1.2 juta pelancong, manakala 2.4 juta penumpang bagi pelancong domestik. Jumlah keseluruhan pelancong antarabangsa dan domestik telah meningkat sebanyak 7.5 peratus berbanding tahun 2016. Sejajar dengan peningkatan bilangan penumpang antarabangsa ke negeri Sabah, adalah wajar perkhidmatan yang diberikan di KKIA turut dipertingkatkan.

Tuan Yang di Pertua, pertama tentang isu kaunter imigresen. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini terdapat sepuluh buah kaunter pemeriksaan imigresen yang disediakan untuk mengendalikan penumpang antarabangsa di Balai Ketibaan Antarabangsa KKIA. Manakala, sepuluh kaunter pemeriksaan imigresen lagi telah disediakan bagi mengendalikan

penumpang domestik yang tiba daripada Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan di Balai Ketibaan Domestik.

Menurut pihak MAHB dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), kesesakan berlaku di kaunter pemeriksaan imigresen Balai Ketibaan Antarabangsa semasa waktu puncak iaitu bermula jam 10.30 malam hingga jam 1.00 pagi. Dalam tempoh waktu puncak ini, KKIA menerima sembilan buah penerbangan iaitu lima penerbangan yang dioperasikan oleh syarikat-syarikat penerbangan dari Republik Rakyat China dan empat penerbangan yang dioperasikan oleh syarikat-syarikat penerbangan dari Republik Korea yang membawa lebih kurang atau lebih daripada 1,000 orang penumpang.

Pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan Jabatan Imigresen menyedari masalah kesesakan ini yang turut berpunca daripada kekurangan pegawai imigresen di kaunter pemeriksaan imigresen Balai Ketibaan Antarabangsa. Dalam hubungan ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen akan mengambil tindakan susulan segera bagi memastikan kaunter-kaunter pemeriksaan imigresen dibuka sepenuhnya terutamanya semasa waktu puncak. Pertambahan staf atau perjawatan juga sedang diusahakan dengan agensi pusat bagi mengatasi permasalahan ini dalam jangka masa panjang.

Pada masa yang sama, pihak MAHB dan Jabatan Imigresen telah mengadakan perbincangan bagi maksud mencari jalan penyelesaian berhubung perkara ini. Sebagai penyelesaian jangka pendek, pihak MAHB dan JIM akan turut menyediakan perkhidmatan pemeriksaan imigresen di kaunter imigresen Balai Ketibaan Domestik. Dalam hubungan ini, sebahagian penumpang antarabangsa akan dilencongkan ke kaunter imigresen di Balai Ketibaan Domestik bagi menyuraikan kesesakan di Balai Ketibaan Antarabangsa.

Untuk penyelesaian jangka panjang, MAHB akan menyusun semula (*reconfiguration*) reka bentuk kaunter imigresen sedia ada supaya boleh menempatkan dua petugas dalam satu kaunter. Dengan yang demikian, perkhidmatan di kaunter imigresen ketibaan antarabangsa akan bertambah menjadi 20 kaunter. *Reconfiguration* baru ini dijangka akan siap pada Februari 2019.

Berkaitan isu kurang jelas terhadap pelancong asing, bagi membantu pelancong asing terutama dari China dan Taiwan yang kurang fasih bahasa Malaysia dan Inggeris, MAHB dengan kerjasama Sabah Tourism Board (STB) telah menempatkan paparan berdiri (*standee*) dengan izin, berbahasa Mandarin di beberapa tempat strategik bagi memandu arah pelancong ke kaunter pemeriksaan imigresen di Balai Ketibaan Antarabangsa. Lokasi penempatan paparan berdiri di dalam terminal KKIA adalah seperti berikut:

- (i) laluan ketibaan antarabangsa;
- (ii) ruang ketibaan antarabangsa pemeriksaan imigresen;

- (iii) laluan "*transboarder*" laluan domestik ke antarabangsa dan laluan dari domestik ke antarabangsa; serta
- (iv) laluan ketibaan domestik Sabah.

Pada masa yang sama, sukarelawan dari Tourism Malaysia akan turut ditempatkan di Balai Ketibaan Antarabangsa untuk membantu pelancong mengenal pasti lokasi-lokasi strategik di KKIA terutama kaunter pemeriksaan imigresen. Di samping itu, MAHB juga mempunyai rancangan untuk membuat tanda arah yang tetap di lokasi strategik tersebut selain membuat pengumuman dalam bahasa Mandarin berhubung lokasi kaunter imigresen di Balai Ketibaan Antarabangsa.

Isu ketiga ialah kesesakan laluan trafik. Bagi maksud menyuraikan kesesakan lalu lintas di aras pelepasan dan ketibaan semasa waktu puncak, MAHB dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah memutuskan untuk memasang tiang keselamatan (*reflective poles*) dengan izin, di sepanjang laluan tersebut. Pemasangan tiang keselamatan ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa kenderaan hanya dibenarkan untuk menurun dan mengambil kenderaan di lorong pertama.

Pada masa yang sama, pemasangan tiang keselamatan tersebut akan mengelakkan pemakiran (*parking*) dengan izin, kenderaan di kiri dan kanan jalan di aras pelepasan dan ketibaan yang akan menyebabkan kesesakan. Setakat ini, pemasangan tiang keselamatan tersebut telah membantu untuk mengurangkan kesesakan di kawasan tersebut. Buat masa ini, PDRM dan JPJ turut sama membantu menyuraikan kesesakan trafik di KKIA terutama pada waktu puncak.

Pada masa yang sama, pihak MAHB mengalu-alukan dan menghargai sebarang cadangan penambahbaikan bagi mengurangkan kesesakan di KKIA. Setiap cadangan akan diteliti dan dipertimbangkan sewajarnya oleh MAHB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Khamis, 9 Ogos 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.57 petang]